



LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011

1103/1

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Nov./Dis.

2 $\frac{1}{4}$ jam

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan satu soalan daripada **Bahagian B**.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*


Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Lihat grafik di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang faedah-faedah belajar secara berkumpulan. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

FAEDAH BELAJAR SECARA BERKUMPULAN

Suasana Belajar
yang
Menyeronokkan

Berkongsi Ilmu

Memupuk
Semangat
Kerjasama

Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

- 1 Setiap individu perlu mempunyai wawasan untuk mencapai cita-citanya.
Huraikan usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk merealisasikan cita-cita anda.
- 2 Perlakuan negatif seperti pergaulan bebas, merokok dan melepak dalam kalangan remaja semakin membimbangkan semua pihak.
Huraikan peranan keluarga bagi menangani masalah ini.
- 3 Anda telah menyertai pertandingan syarahan di sekolah anda. Tajuk syarahan anda ialah 'Perpaduan Rakyat Asas Kemajuan dan Kemakmuran Negara'.
Tulis teks syarahan anda itu selengkapnya.
- 4 Kemajuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) membolehkan masyarakat dunia kini berkomunikasi dan memperoleh pelbagai maklumat dengan mudah, cepat dan murah.
Bincangkan.
- 5 *Cari olehmu akan sahabat,
Yang boleh dijadikan ubat.*

*Cari olehmu akan kawan,
Pilih segala orang setia kawan.*

Petikan gurindam di atas menjelaskan kepentingan memilih sahabat.

Huraikan pendapat anda tentang ciri-ciri sahabat yang baik.

KERTAS SOALAN TAMAT